



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN

KERJASAMA STRATEGIK BIDANG KESIHATAN DAN KEBOMBAAN

22 OGOS 2023

Majlis Menandatangani Nota Persefahaman (NoU) Kerjasama Strategik Bidang Kesihatan dan Kebombaan di antara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mampu meningkatkan keupayaan serta kualiti penyampaian perkhidmatan bagi kedua-dua agensi kepada masyarakat.

Majlis yang diadakan di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia hari ini disaksikan oleh YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan dan YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan. Upacara menandatangani Nota Persefahaman (NoU) tersebut disempurnakan oleh YBhg. Dato' M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha, Kementerian

Pembangunan Kerajaan Tempatan dan YBhg. Dato' Sri Norazman bin Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan), Kementerian Kesihatan Malaysia.

Nota Persefahaman (NoU) ini merupakan kerjasama strategik dalam pengurusan bencana, penggunaan sumber secara holistik, perkongsian kepakaran dan pengetahuan juga pengurusan peruntukan kewangan yang lebih cekap sekaligus memberikan manfaat yang maksimum.

Kolaborasi di antara KKM dan JBPM telah bermula sejak tahun 2016 melalui inisiatif '*Blue Ocean Strategy*' di mana satu '*Exchange Letter*' telah dimeterai bagi kerjasama perkhidmatan pra-hospital dan ambulans.

Sesi Menandatangani NoU hari ini bertujuan meningkatkan kerjasama bagi pemindahan pesakit dan pasukan perubatan di hospital atau fasiliti kesihatan seluruh negara terutamanya bagi kawasan Semenanjung Malaysia.

Inisiatif *Emergency Medical Air Ambulance Rescue Services* (EMARS) yang telah dilancarkan secara rasmi oleh YB Dr. Zaliha Mustafa dan YB Tuan Nga Kor Ming pada 15 April 2023 yang lalu di Shah Alam, Selangor merupakan inovasi JBPM dalam membantu KKM untuk mengembangkan perkhidmatan kesihatan dan kebombaian terutama kepada masyarakat luar bandar dan kawasan terpencil. Melalui kerjasama ini, JBPM telah mendapat bantuan daripada KKM berkaitan Latihan *Advance First Responder (Basic Course)* di mana pegawai-pegawai bomba dilatih

sehingga diiktiraf oleh KKM seterusnya layak menganggotai Pasukan Emergency Medical Rescue Services (EMRS).

Sehingga kini, JBPM telah mempunyai seramai 1,860 orang pegawai bomba yang ditauliahkan oleh KKM bagi pasukan EMRS dan telah ditempatkan di 197 buah balai bomba seluruh negara. Ini termasuk 104 orang yang layak ditauliahkan sebagai pegawai penguji bagi menentukan kompetensi dan kemahiran pegawai EMRS sentiasa mencapai tahap yang diperlukan.

YB Dr Zaliha Mustafa yang menyambut baik inisiatif berkenaan menyatakan bahawa KKM amat berharap menerusi kolaborasi strategik bersama JBPM ini dapat mempertingkatkan usaha Kementerian dalam mengurangkan tempoh masa perjalanan bagi pemindahan pesakit yang berada dalam kategori kritikal yang memerlukan rawatan segera serta meminimalkan risiko kematian.

Manakala, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan dan Kerajaan Tempatan berkata, pihaknya menyambut baik kerjasama strategik dua hala ini dan ia menjadi bukti jelas komitmen kedua-dua pihak ke arah memberikan perkhidmatan kesihatan, kebombaanan dan penyelamatan yang berkualiti tinggi kepada masyarakat. YB KM menegaskan bahawa jalinan kerjasama ini adalah susulan terdapatnya keperluan untuk mewujudkan satu mekanisma kolaborasi yang lebih meluas dan efektif bagi menangani kes-kes kecemasan dan bencana masa kini yang semakin mencabar serta kompleks.

Tambah YB KM lagi, “Kolaborasi ini akan dikembangkan secara lebih meluas berbanding sebelum ini di mana salah satu elemen penting juga melibatkan kerjasama dalam penggunaan helikopter EMARS bagi mempercepatkan urusan pemindahan pesakit dan pengangkutan berkaitan perubatan.”

Pemeteraian NoU pada hari ini diharap dapat mengorak langkah kepada penyediaan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik kepada seluruh rakyat Malaysia.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN

22 OGOS 2023